

DATUK DR AWANG ADEK HUSSIN

A

lwn.

THE EDGE COMMUNICATIONS SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM

B

ZALEHA YUSOF H

[GUAMAN SIVIL NO: 22-1159-2010]

27 JULAI 2011

PROSEDUR SIVIL: *Pelupusan tindakan tanpa bicara - Sama ada terdapat pertikaian fakta material yang memerlukan perbicaraan - Tuntutan fitnah - Permohonan maaf melalui surat dan pembetulan yang diterbitkan dalam majalah - Pengakuan liabiliti - Sama ada wujud pembelaan bermerit - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A. 14A, A. 33*

C

TORT: *Fitnah - Artikel dalam majalah - Sama ada membawa maksud fitnah - Sama ada pergantungan kepada s. 10 Akta Fitnah merupakan pengakuan liabiliti - Sama ada permohonan maaf yang diterbitkan dalam majalah merupakan pengakuan liabiliti - Sama ada fitnah terbukti - Sama ada defendan boleh memohon penghapusan ganti rugi di bawah s. 10 Akta Fitnah 1957*

D

TORT: *Fitnah - Ganti rugi - Mitigasi atau penghapusan ganti rugi - Sama ada defendan boleh memohon penghapusan ganti rugi di bawah s. 10 Akta Fitnah 1957 - Sama ada s. 10 hanya membenarkan pengurangan ganti rugi*

E

Hal perkara dalam tindakan fitnah ini ialah suatu artikel yang disiarkan dalam majalah *The Edge Financial Daily*. Defendan-defendan telah mengambil pendekatan dalam pernyataan pembelaannya bahawa perkataan-perkataan tersebut tidak membawa apa-apa maksud fitnah terhadap plaintif atau telah dibuat secara cuai. Sebaliknya defendan-defendan menyatakan bahawa artikel tersebut hanyalah suatu laporan prosiding Parlimen dan kedudukan rasmi yang diambil oleh Menteri Kewangan sebagai balasan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh parti pembangkang. Defendan-defendan menyatakan lagi bahawa memandangkan perkataan-perkataan dalam artikel secara tidak sengaja dikaitkan dengan plaintif, maka pembetulan telah dibuat dan dicetak serta permohonan maaf secara peribadi telah ditulis dan oleh yang demikian, sekiranya dan setakat mana yang perlu, defendan-defendan akan bergantung kepada s. 10 Akta Fitnah 1957 bagi mitigasi atau penghapusan ganti rugi. Plaintif telah memohon di bawah A. 14A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') dan/atau di bawah A. 33 k. 2 KMT untuk persoalan undang-undang dan/atau isu preliminari

F

G

H

I

- A berikut diputuskan bagi menentukan liabiliti defendan-defendan bagi kausa tindakan fitnah: (i) sama ada pergantungan defendan-defendan kepada peruntukan s. 10 Akta Fitnah 1957 adalah suatu pengakuan liabiliti terhadap tuntutan plaintif; (ii) sama ada pergantungan defendan-defendan terhadap surat permohonan maaf kepada plaintif dan pembetulan serta B permohonan maaf yang diterbitkan dalam *The Edge Financial Daily* merupakan pengakuan liabiliti; dan (iii) sekiranya permohonan maaf dan pergantungan kepada s. 10 Akta Fitnah 1957 adalah suatu pengakuan liabiliti, sama ada defendan-defendan boleh memohon penghapusan ganti rugi di bawah s. 10 Akta Fitnah 1957 sedangkan peruntukan tersebut C hanya membenarkan pengurangan ganti rugi. Plaintif juga menuntut supaya tuntutan bagi fitnah dibenarkan selepas penentuan soalan-soalan di atas, jika ianya didapati berpihak kepada plaintif.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif):

- D (1) Aturan 14A dan A. 33 KMT bertujuan mempercepatkan pelupusan sesuatu tindakan di peringkat interlokutori bagi menjimatkan masa dan kos. Apa yang penting ialah tidak wujud sebarang pertikaian fakta material yang memerlukan sesuatu tindakan itu dibicarakan secara penuh; *Petroleum Nasional Bhd v. Kerajaan Negeri Terengganu* (dirujuk). (perenggan 2)
- E (2) Perkataan-perkataan dalam artikel tersebut merupakan suatu fitnah kepada plaintif yang telah dilakukan dengan cuai dan tidak berhati-hati. Ianya mempersendakan dan mencemarkan nama plaintif seolah-olah plaintif sebagai Timbalan Menteri Kewangan, tidak sehaluan F dengan Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri. (perenggan 4)
- G (3) Permohonan maaf yang dibuat oleh defendan-defendan bahawa artikel yang ditulis itu adalah salah dan dibuat secara cuai tanpa usul periksa adalah satu pengakuan liabiliti secara tidak langsung oleh defendan. Defendan-defendan sendiri memang tidak pernah menafikan penyiaran artikel berkenaan yang secara jelasnya suatu fitnah. (perenggan 16)
- H (4) Seksyen 10 Akta Fitnah 1957 bukanlah suatu pengakuan kepada liabiliti. Perkataan-perkataan dalam s. 10 hanya membenarkan pengurangan ganti rugi dan bukannya penghapusan ganti rugi. (perenggan 17)
- I (5) Perkara dan isu-isu dalam kes ini tidaklah terlalu kompleks dan memang sesuai untuk dilupuskan melalui permohonan ini. Defendan-defendan dengan jelasnya tidak boleh menafikan kewujudan artikel tersebut yang memberikan gambaran yang tidak benar tentang plaintif. Dengan kedudukan plaintif sebagai seorang ahli politik dan Timbalan Menteri yang dikenali, artikel itu menjadi satu fitnah yang

mempersendakan dan merendahkan martabatnya. Tanpa pembelaan-pembelaan statutori lain dibangkitkan oleh defendan-defendan, defendan sememangnya tidak mempunyai apa-apa pembelaan yang bermerit. (perenggan 18)

A

Kes-kes yang dirujuk:

Bank of China v. Asiaweek Ltd [1991] 1 LNS 4 HC (**dirujuk**)

B

Bre Sdn Bhd & Ors v. Tun Datuk Patinggi Hj Abdul Rahman Ya'kub [2005] 2 CLJ 645 CA (**dirujuk**)

Petroleum Nasional Bhd v. Kerajaan Negeri Terengganu & Another Appeal [2003] 4 CLJ 337 CA (**dirujuk**)

Shummugam Jayakumar & Anor v. Jeyaretnam JB & Anor [1997] 2 SLR AR (**dirujuk**)

C

Perundangan yang dirujuk:

Defamation Act 1957, ss. 8, 9, 10, 12

Rules of the High Court 1980, O. 14A rr. 1, 33, O. 33 r. 2

Bagi pihak plaintif - Ashmadi Othman (Hizri Hasshan bersamanya); T/n Che Mokhtar & Ling

D

Bagi pihak defendan-defendan - Raja Eileen Soraya Raja Aman; T/n Raja, Darryl & Loh

Reported by Amutha Suppayah

E

PENGHAKIMAN

Zaleha Yusof H:

F

[1] Kandungan (10) ialah permohonan plaintif di bawah A. 14A k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atau secara alternatifnya A. 33 k. 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk perintah-perintah seperti yang berikut:

(a) Bahawa persoalan undang-undang dan/atau isu preliminari seperti berikut yang dibangkitkan di dalam pliding pihak-pihak di dalam tindakan ini dibicarakan dan diputuskan melalui keterangan affidavit bagi menentukan liabiliti defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat terhadap tuntutan plaintif bagi kausa tindakan fitnah:

G

H

(i) Sama ada pergantungan defendan-defendan kepada peruntukan s. 10 Akta Fitnah 1957 di perenggan 14.4 pembelaan defendan pertama, defendan kedua dan defendan ketiga dan perenggan 14.4 pembelaan defendan keempat masing-masing bertarikh 29 Oktober 2010 adalah merupakan suatu pengakuan liabiliti terhadap tuntutan plaintif bagi kausa tindakan fitnah di dalam tindakan ini.

I

- A (ii) Sama ada pergantungan defendan-defendan terhadap surat permohonan maaf bertarikh 9 Julai 2010 kepada plaintif dan pembetulan serta permohonan maaf yang diterbitkan secara ringkas di dalam *The Edge Financial Daily* pada 9 Julai 2010 merupakan suatu pengakuan liabiliti bahawa defendan-defendan telah melakukan fitnah terhadap plaintif.
- B
- C (iii) Sekiranya permohonan maaf dan pergantungan kepada s. 10 Akta Fitnah 1957 adalah suatu pengakuan liabiliti oleh defendan-defendan, sama ada defendan defendan boleh memohon penghapusan ganti rugi (extinction of damages) di bawah s. 10 Akta Fitnah 1957 sedangkan peruntukan tersebut hanya membenarkan pengurangan ganti rugi (mitigation of damages).
- D (b) Bahawa selepas pelupusan dan/atau penentuan persoalan undang-undang dan/atau isu preliminari di atas di mana ia didapati berpihak kepada plaintif, maka plaintif memohon perintah-perintah berikut:
- E (i) Bahawa tuntutan plaintif terhadap defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat di dalam Penyata Tuntutan bagi tindakan fitnah ini dibenarkan dengan kos dan satu penghakiman dicatatkan terhadap defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat;
- F (ii) Bahawa jumlah ganti rugi am, ganti rugi teladan, ganti rugi teruk dan kos yang perlu dibayar oleh defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat kepada plaintif ditaksirkan dan/atau ditetapkan oleh mahkamah serta merta atau secara alternatif satu tarikh bicara ditetapkan untuk penaksiran ganti rugi;
- G (iii) Bahawa defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat mengeluarkan terbitan lengkap dan sepenuhnya dengan menarik balik perkataan-perkataan fitnah tersebut dan suatu permintaan maaf atas terma-terma seperti yang ditetapkan oleh plaintif dan/atau mahkamah, di dalam terbitan "The Edge Financial Daily" yang seterusnya dan/atau di dalam akhbar harian tempatan (versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu) pada kedudukan nyata sebagaimana artikel yang diadukan dan dipertikaikan tersebut.
- H
- I (c) Bahawa kos permohonan ini dibayar oleh defendan pertama, defendan kedua, defendan ketiga dan defendan keempat; dan
- (d) Apa-apa relif dan perintah lain yang difikirkan adil dan sesuai oleh mahkamah.

[2] Skop dan penggunaan A. 14A dan A. 33 k. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telah dijelaskan dengan terperinci oleh Mahkamah Rayuan dan kes *Petroleum Nasional Bhd v. Kerajaan Negeri Terengganu* [2003] 4 CLJ 337. Secara ringkasnya ianya bertujuan mempercepatkan pelupusan sesuatu tindakan di peringkat interlokutori bagi menjimatkan masa dan kos. Apa yang penting ialah tidak wujudnya sebarang pertikaian fakta material yang memerlukan sesuatu tindakan itu dibicarakan secara penuh.

[3] Bagi membolehkan mahkamah menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan, adalah penting untuk mahkamah menentukan terlebih dahulu isu sama ada perkataan-perkataan di dalam artikel yang diterbitkan itu adalah suatu fitnah. Hal perkara di dalam tindakan ini ialah suatu artikel yang disiarkan dalam majalah "*The Edge Financial Daily*" pada 8 Julai 2010 yang bertajuk "Ascot given preference due to its experience, says MOF". Perkataan-perkataan yang dikatakan bersifat fitnah yang terkandung dalam artikel itu ialah seperti yang berikut:

... Nevertheless the government had offered to reissue a license to "Ascot Sports Sdn Bhd (Ascot) to conduct sports betting (including for the 2010 Fifa World Cup) because this company had been given approval for betting activities previously, "he added" ...

As such, said Awang Adek, when the government was considering giving license for sports betting, Ascot was given preference due to its experience in the field ...

The Deputy Finance Minister was responding to a question by Datuk Mahfuz Omar (Pokok Sena-PAS) on the terms and conditions imposed on Ascot for conducting a sports betting business ...

Awang Adek said 15 conditions would be imposed on Ascot if it were given a sports betting license ...

According to Awang Adek, the government is aware of the hazards of illegal betting and the income leakage to the government ...

The government also faces an outflow of money from the country due to illegal sports betting "he said".

[4] Defendan telah mengambil pendekatan di dalam pernyataan pembelaannya bahawa perkataan-perkataan itu tidak membawa apa-apa maksud fitnah terhadap plaintiff atau telah dibuat secara cuai. Sebaliknya defendan-defendan menyatakan yang artikel itu hanyalah suatu laporan prosiding Parlimen dan kedudukan rasmi yang diambil oleh Menteri Kewangan sebagai balasan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh parti pembangkang. Apatah lagi plaintiff dikatakan pernah membuat pernyataan yang serupa tentang kedudukan Menteri Kewangan berkenaan

- A pengeluaran lesen-lesen perjudian sukan. Defendan menyatakan lagi bahawa memandangkan perkataan-perkataan di dalam artikel itu telah tidak sengaja dikaitkan dengan plaintif, maka pembetulan telah dibuat dan dicetak serta permohonan maaf secara peribadi telah ditulis dan oleh yang demikian, sekiranya dan setakat mana yang perlu, defendan-defendan akan bergantung kepada s. 10 Akta Fitnah 1957 bagi mitigasi atau penghapusan ganti rugi. Sungguhpun begitu, defendan menyatakan bahawa pembetulan dan permohonan maaf itu adalah mencukupi dan dibuat secara suci hati dan di dalam affidavit balasan serta hujahan defendan, defendan menyatakan bahawa permohonan maaf dan pembetulan itu bukanlah satu pengakuan liabiliti di pihak defendan.
- C [5] Saya perhatikan, tidak di mana-mana pun defendan ada memplidkan apa-apa penggantungan kepada pembelaan statutori di bawah ss. 8, 9 atau 12 Akta Fitnah iaitu justifikasi, komen berpatutan mahu pun perlindungan bersyarat.
- D [6] Bagi menentukan sama ada perkataan-perkataan di dalam artikel itu adalah fitnah, ujian yang diperlukan ialah sama ada perkataan-perkataan di dalamnya akan mendedahkan plaintif kepada kebencian, persendaan atau kemarahan pada pemikiran orang-orang yang munasabah ataupun sama ada ianya akan merendahkan plaintif pada pandangan ahli-ahli masyarakat yang berfikiran waras. Rujuk keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Bre Sdn Bhd & Ors v. Tun Datuk Patinggi Hj Abdul Rahman Ya'kub* [2005] 2 CLJ 645.
- E [7] Adalah fakta yang jelas, bahawa dua minggu sebelum artikel yang dikatakan fitnah itu disiarkan, iaitu pada 25 Jun 2010, YAB Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa lesen Judi “sports betting” tidak akan dikeluarkan oleh kerajaan kepada Ascot Sports Sdn Bhd. Perkara ini ditegaskan sekali lagi oleh YB Menteri Kewangan II dalam sesi ucapan penggulungan Kementerian Kewangan dalam Perbahasan RMK10 di Dewan Rakyat pada 29 Jun 2010, Pengumuman YAB Perdana Menteri itu telah diterbitkan dalam akhbar-akhbar utama seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star dan The Malay Mail seperti yang ditunjukkan dalam eks. “DAAH7” kandungan (13).
- F [8] Artikel yang dikatakan fitnah itu ternyata bercanggah dengan kenyataan YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dan juga ucapan Menteri Kewangan ke II itu. Justeru, sewajarnya defendan menyelidik terlebih dahulu sebelum menyiarkannya. Apatah lagi, plaintif sebenarnya tidak pernah pun membaca atau membentangkan atau mengucapkan perkataan-perkataan yang ditulis di dalam artikel itu pada sidang Dewan Rakyat yang berkenaan bagi menjawab soalan ahli Parlimen
- G
- H
- I

pihak pembangkang yang berkenaan. Pada pandangan saya sememangnya defendan telah cuai dan kecuai ini adalah nyata kerana tiada akhbar lain yang menyiarkan berita berkenaan. A

[9] Jika dilihat kepada jawapan lisan yang dikatakan telah diperolehi oleh defendan di dalam “pigeon hole” media di Parlimen seperti yang ditunjukkan oleh defendan sendiri di dalam eks. “CLK2” di kandungan (12), ternyata ianya disediakan oleh Kementerian Kewangan dan tidak langsung menyebut nama plaintif, sedangkan di dalam artikel di eks. DAAH1, defendan dengan sewenang-wenangnya menyebut dan memetik nama plaintif seolah-olah plaintiflah yang telah membuat kenyataan itu. B C

[10] Justeru, pada pandangan saya, sememangnya nyata bahawa perkataan-perkataan di dalam artikel di dalam eks. DAAH1 itu adalah merupakan suatu fitnah kepada plaintif yang telah dilakukan dengan cuai dan tidak berhati-hati. Ianya mempersendakan dan mencemarkan nama plaintif seolah-olah plaintif sebagai Timbalan Menteri Kewangan, tidak sehaluan dengan Menteri Kewangan dan juga Perdana Menteri. Sebagai seorang Timbalan Menteri, ahli politik yang dikenali di Malaysia ahli Majlis Tertinggi UMNO dan seorang Melayu dan Islam serta datang pula dari kawasan Bachok, Kelantan, yang memang tebal dengan sentimen keagamaan dan konservatif, perkataan-perkataan yang disiarkan itu sememangnya pada pandangan saya boleh mendatangkan kemarahan para pengundi plaintif dan memalukan dan mengaibkannya di kalangan penyokong-penyokongnya dan masyarakat Islam secara umum. D E

[11] Kenyataan defendan bahawa plaintif pernah memberi pandangan yang serupa sebelum itu adalah tidak tepat. Ini kerana kenyataan yang dirujuk itu seperti yang ditunjukkan di dalam eks. CLK3 afidavit defendan sendiri di kandungan (12) merupakan jawapan plaintif kepada persoalan yang dikemukakan di Dewan Negara pada 6 Mei 2010 yang mana plaintif menyatakan “Kerajaan sedang mengkaji” dan “akan memutuskan” dan enggan mendedahkan maklumat “sehingga kerajaan membuat keputusan mengenainya”. Di dalam Bahasa Inggerisnya plaintif menyebut “The government is considering”. Jadi, kenyataan pada bulan Mei itu berbeza kerana kerajaan masih belum membuat keputusan dan keputusan akhirnya dibuat melalui pengumuman YAB Perdana Menteri pada 25 Jun 2010 itu. F G H

[12] Setelah berpuas hati bahawa perkataan-perkataan yang diterbitkan di dalam artikel itu adalah fitnah, isu seterusnya ialah sama ada permohonan maaf secara peribadi dan pembetulan oleh defendan di dalam I

A akhbar “*The Edge Financial Daily*” pada 9 Julai 2010 itu adalah pengakuan liabiliti di pihak defendan. Di bawah diperturun surat permohonan maaf oleh defendan seperti dalam eks. DAAH3, kandungan 10A:

B 9 July 2010

YB Senator Datuk Awang Adek Bin Hussin
Timbalan Menteri Kewangan
Pejabat Timbalan Menteri Kewangan II
Tingkat 11, Blok Tengah
Presint 2, Pusat Pentadbiran
C Kerajaan Persekutuan
62592 WP Putrajaya.

Dear Yang Berhormat Senator Datuk Awang

D I refer to the report in our publication *The Edge Financial Daily* on 8 July titled ‘Ascot given preference due to its experience, says MOF which wrongly attributed the statements in the Finance Ministry’s reply to Datuk Mahfuz Omar (PAS-Pokok Sena) to you.

E I’d like to tender my sincere apologies for the mistake made by the writer. He explained that he was at a press conference during the Question-And-Answer session and missed parts of it. After picking up the statement from the pigeon holes for the press, he checked with several reporters whether it was read out during the session, and was mistakenly informed that YB Datuk had done so.

F He attempted to find you to clarify parts of the statement after lunch but was unable to locate you. Nonetheless, it does not absolve him of the responsibility of double checking with YB Datuk personally or verifying if you had indeed read it out.

G Again, I apologise for any distress that the mistake, however unintentional, has caused YB Datuk. We hope the correction on Page 2 of today’s *The Edge Financial Daily* will go some way towards setting right the situation.

H Such errors do not live up - to the standards of excellence and accuracy that *The Edge* has set in the past and strives to live up to, and the writer has been told this in no uncertain terms.

I Thank you.

Yours sincerely,
Dorothy Teoh
Editor-in-Chief
I The Edge

[13] Pembetulan di dalam akhbar *The Edge Financial Daily* pada 9 Julai 2010 seperti dalam eks. “DAAH4” pula berbunyi seperti berikut: A

Written reply by MOF

Our report ‘Ascot given preference due to its experience, says MOF yesterday wrongly attributed the statements made to deputy finance minister Senator Datuk Awang Adek Hussin. The statements were contained in a written reply from the Ministry of Finance to a question by Datuk Mahfuz Omar (Pokok Sena-PAS). The error is regretted.

B

[14] Saya merujuk kepada kes *Shunmugam Jayakumar & Anor v. Jeyaretnam JB & Anor* [1997] 2 SLR AR yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Singapura antara lain seperti yang berikut: C

Held:

4. An apology by the defamer played an important role in the law and practice of defamation. The purpose of the action was to vindicate the character of the person defamed. D

5. The defendant had, as a matter of contract, by apologizing, admitted that the defamation was defamatory and, by implication conceded that they could not raise any defence to the proposed action. E

[15] Begitu juga di dalam kes *Bank of China v. Asiaweek Ltd* [1991] 1 LNS 4, YA Thean J juga memutuskan bahawa:

Held:

(5) In 1989, the defendant has made a material admission in admitting that the report about the plaintiff suspending business temporarily was incorrect, apologizing to the plaintiff, agreeing to withdraw the report, and further admitting that the report ‘cast a bad light on the reputation and position of Bank of China. in the circumstances, it is impossible to see how it can be maintained that the words complained of are not libelous. F

G

[16] Saya berpendapat bahawa permohonan maaf yang dibuat oleh defendan bahawa artikel yang ditulis itu adalah salah dan dibuat secara cuai tanpa usul periksa adalah merupakan satu pengakuan liabiliti secara tidak langsung oleh defendan. Defendan sendiri memang tidak pernah menafikan penyiaran artikel berkenaan yang secara jelasnya suatu fitnah. H

[17] Berkenaan s. 10 Akta Fitnah itu pula, saya berpendapat ianya hanyalah satu pli untuk mitigasi ganti rugi. Defendan jelas menyatakan akan bergantung kepadanya jika perlu sahaja bagi tujuan mitigasi atau menghapuskan ganti rugi. Justeru, ia bukanlah suatu pengakuan kepada liabiliti. Perkataan-perkataan di dalam s. 10 itu pada hemat saya hanya membenarkan pengurangan ganti rugi dan bukannya penghapusan ganti rugi. I

A Kesimpulan

[18] Saya berpendapat perkara dan isu-isu dalam kes ini tidaklah terlalu kompleks dan memang sesuai untuk dilupuskan melalui permohonan ini. Defendan dengan jelasnya tidak boleh menafikan kewujudan artikel tersebut yang memberikan gambaran yang tidak benar tentang plaintif. Dengan kedudukan plaintif sebagai seorang ahli politik dan Timbalan Menteri yang dikenali, artikel itu menjadi satu fitnah yang mempersendakan dan merendahkan martabatnya. Tanpa pembelaan-pembelaan statutori lain dibangkitkan oleh defendan, defendan sememangnya pada pandangan saya tidak mempunyai apa-apa pembelaan yang bermerit. Pada pandangan saya ini adalah satu pengajaran kepada pihak media supaya lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam menyiarkan sesuatu berita.

D [19] Justeru, jawapan saya kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan, berdasarkan alasan-alasan saya di atas ialah seperti berikut

(a) (i) tidak;

(ii) ya; dan

E (iii) hanya pengurangan ganti rugi dibenarkan.

[20] Dengan itu, saya membenarkan *prayer* (b) kandungan (10) ini dengan ganti rugi ditaksirkan di hadapan pendaftar. Saya juga, membenarkan kos kepada plaintif.

F

G

H

I